

Mohd Ikhwan tewaskan enam peserta

NILAI: Mohd Ikhwan Roseli dari Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) yang memamerkan kebolehan berpidato dinobatkan juara pertandingan pidato Local Agenda 21 (LA 21) anjuran Majlis Perbandaran Nilai (MPN) di Dewan Besar MPN di sini, semalam.

Mohd Ikhwan, 23, mewaskan enam peserta lain dalam pertandingan akhir itu termasuk Mohd Syamsul Salleh dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menduduki tempat kedua dan ketiga, Siti Farhana Salleh dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sabah.

Pemenang menerima hadiah wang tunai RM500, RM300 dan RM200 selain sijil dan cenderahati yang disampaikan Yang Dipertua MPN, Datuk Abdul Halim Abdul Latif.

Seramai 30 peserta mewakili institut pengajian

tinggi awam (IPTA) antaranya Usim, UiTM, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan UPM menyertai pidato yang kali pertama diadakan di negara ini dan hanya tujuh peserta berjaya mela ke peringkat akhir.

Abdul Halim ketika ditemui selepas program itu berkata, MPN merancang meluaskan lagi program pidato LA 21 di peringkat sekolah menengah membabitkan pelbagai bahasa iaitu Inggeris, Cina dan Tamil mulai tahun depan dalam usaha memberikan pendedahan kepada generasi muda mengenai definisi dan intipati yang terkandung dalam LA 21.

Beliau berkata, LA 21 yang dihasilkan melalui deklarasi di Rio de Jeneiro pada 1992 adalah sebahagian daripada pelan tindakan untuk mewujudkan pembangunan

mapan bagi memenuhi keperluan kehidupan dan generasi akan datang yang membabitkan tiga pihak iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT), masyarakat dan sektor swasta.

"Generasi muda perlu memahami pelbagai intipati yang terkandung dalam LA 21 itu supaya mereka dapat memainkan peranan dan memberi sumbangan proaktif dalam mewujudkan suasana kehidupan yang sihat dan sejahtera.

"Pembangunan dalam LA 21 merangkumi elemen pendudukan, makanan, keselamatan, sumber tenaga, keseimbangan antara ekonomi, alam sekitar dan sosial, justeru generasi muda perlu didekahkan mengenai kepentingan LA 21 supaya mereka dapat sama-sama membantu ke arah menjayakan pembangunan yang sihat," kata dia.